

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HLU 411 Teori dan Prinsip-Prinsip Teater

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahaigan A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama. Para pelajar dinasihatkan agar jangan menggunakan bahan yang sama bagi lebih daripada satu jawapan.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan.

1. SAMA ADA

- (a) Bincangkan kesan Aristotle dan Horace terhadap para kritik serta para dramatis neo-klasik. Anda diminta menggambarkan perbincangan anda dengan contoh-contoh skrip drama yang sesuai.

ATAU

- (b) "Walaupun Christopher Marlowe dan William Shakespeare mencerminkan semangat Renaissance, kedua-dua orang dramatis ini juga pandang balik ke arah konsepsi teater klasik serta contoh-contoh drama zaman pertengahan. Disamping itu, dalam karya-karya mereka dapat juga dikesan unsur-unsur moden." Bincangkan pendapat ini berdasarkan sekurang-kurangnya dua buah skrip drama, satu daripada Marlowe dan satu lagi karya Shakespeare.

2. Pergerakan Romantik sentiasa digelar sebagai pergerakan "moden" yang terawal di dalam sastra Barat. Apakah pendapat anda mengenai ulasan ini? Anda diminta menggambarkan perbincangan anda dengan rujukan kepada skrip-skrip drama yang sesuai.

3. Berikan definsai yang tepat dan ringkas terhadap istilah-istilah berikut: "Classicism", "Renaissance", "Neo-classicism" dan "Romanticism". Dengan contoh-contoh skrip drama pilihan anda, bincangkan ciri-ciri utama yang mombolehkan skrip-skrip drama pilihan anda itu diklasifikasikan mengkiut aliran-aliran yang disebut di atas.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Expressionisma merupakan satu aliran kesenian yang menentang Naturalisma dengan hebatnya. Bagi pendapat anda apakah berbezaan-perbezaan utama yang terdapat pada kedua-dua aliran teater tersebut, iaitu Naturalisma dan Expressionisma? Anda perlu menggambarkan perbincangan anda dengan rujukan kepada tokoh-tokoh teori serta skrip-skrip drama yang sesuai.
5. Antonin Artaud dalam esei-eseinya yang dikumpulkan dalam buku The Theatre and Its Double telahpun mengemukakan satu konsep teater yang amat berani, menarik serta berpengaruh. Artaud telahpun memberikan nama "Theatre of Cruelty", kepada teater jenis yang dibayangkan olehnya. Bincangkan konsep keganasan (cruelty) mengikut Artaud dan terangkan ciri-ciri utama yang, bagi Artaud, seharusnya diadakan dalam "Theatre of Cruelty".
6. Tuliskan secara terperinci mengenai dua (2) daripada perkara-perkara berikut:
 - (a) Falsafah existentialisma seperti digambarkan dalam drama No Exit karya Jean-Paul Sartre.
 - (b) Simbolisma sebagai satu ciri utama dalam drama The Seagull karya Anton Chekov.
 - (c) Falsafah "The Performance Group", dan skrip serta pementasan Dionysus in 69.

7. Bincangkan sumbangan terhadap perkembangan drama dan teater yang dibuat oleh dua (2) orang daripada tokoh-tokoh berikut:

- (a) Adolphe Appia
- (b) Konstantin Stanislavski
- (c) Richard Schechner
- (d) Jerzy Grotowski

-oooo000ooo-